

# Perkahwinan Mis'yar

- **SINAR** Harian keluaran 16 April 2008 di muka surat N16, ada menyiarkan Laporan Khas mengenai Perkahwinan Mis'yar (temubual bersama Mufti Selangor, Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Abd Wahid). Sinar Harian ingin membetulkan kenyataan yang disiarkan.

- Kenyataan yang tepat ialah; "Mis'yar adalah sama seperti perkahwinan biasa yang lain, yang mana perlu dilaksanakan dengan mematuhi syarat rukun nikah iaitu wali, bakal suami, bakal isteri, dua saksi serta akad (ijab dan kabul)," kata Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid.

- "Bagaimanapun, sekiranya si isteri reda kerana dirinya lebih berkemampuan daripada suaminya, ia tidak menjadi satu kesalahan bagi pihak suami. Contohnya, si isteri itu adalah seorang wanita

kaya, berharta tetapi suami mempunyai peribadi dan akhlak mulia yang boleh memberi kasih sayang, membimbing serta mendidik isterinya dengan kefahaman dan penghayatan agama yang baik, maka situasi ini, si isteri merasa tanggungjawab suami untuk membimbing dan mendidik dirinya dalam kehidupan beragama itu lebih penting dan utama daripada keperluan lain dan ia reda dengan keadaan suaminya yang kurang berkemampuan dari segi kewangan, maka ia tidak menjadi satu kesalahan dalam agama untuk menerimanya."

*"Sekiranya si isteri reda kerana dirinya lebih berkemampuan daripada suaminya, ia tidak menjadi satu kesalahan bagi pihak suami."*

*Mohd Tamyas Abd Wahid*